



Received: 2025-05-19

Accepted: 2025-12-14

Published: 2025-12-15

Original Article

Aplikasi Qawā'id Fiqhiyyah Dalam Fatwa Kontemporari Dr Sa'id Ramaḍān Al-Būṭī

(The Application of Qawā'id Fiqhiyyah in Contemporary Fatwas: Dr. Sa'id Ramaḍān al-Būṭī)

Muhammad Aiman Nasir^a, Muhammad Safwan Harun^{a*} & Noor Naemah Abdul Rahman^a

^a Department of Fiqh-USul & Applied Science, Academy of Islamic Studies, University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

* Corresponding author, email; safone_15@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/ris.vol12no2.11>

ABSTRACT

This study examines the utilization of *qawā'id fiqhiyyah* (Islamic legal maxims) by Muḥammad Sa'id Ramaḍān al-Būṭī in issuing fatwas related to contemporary issues. These legal maxims demonstrate the concerted efforts of Islamic scholars to develop a robust framework for resolving emerging legal dilemmas. The research focuses on al-Būṭī's application of *qawā'id fiqhiyyah* in addressing modern challenges, such as organ donation, the use of prohibited substances in cosmetics and pharmaceuticals, and the question of rebellion against Muslim rulers. The study adopts a qualitative approach by analyzing al-Būṭī's fatwas, highlighting how he integrated the principles of Islamic law with rational analysis in his *ijtihad* to provide relevant and pragmatic solutions. The findings reveal that al-Būṭī effectively employed *qawā'id fiqhiyyah* through a critical thinking framework, emphasizing objectivity, thorough analysis, and concern for public welfare (*maṣlaḥah*). This research underscores al-Būṭī's role in upholding the dynamic tradition of Islamic jurisprudence and demonstrates the effectiveness of *qawā'id fiqhiyyah* as a systematic tool for addressing contemporary legal challenges. The study concludes that al-Būṭī's approach not only reflects a deep understanding of Islamic principles but also showcases the enduring relevance of legal maxims in responding to the evolving needs of modern society.

Keywords: *Qawā'id fiqhiyyah*, al-Būṭī, contemporary fatwa, *ijtihad*, Islamic jurisprudence

Pendahuluan

Fiqh merupakan salah satu cabang ilmu yang paling penting dalam pengajian syariah. Ia melibatkan kajian dan pemahaman hukum-hukum yang mengatur kehidupan seorang Muslim

dalam semua aspek sama ada *'ibādāt*, *mu'āmalāt*, *munākahāt*, dan *jināyāt*. Secara umumnya, *qawā'id fiqhiyyah* memainkan peranan penting dalam membantu *'ulamā'* dan *fuqahā'* untuk memahami dan menerapkan hukum syarak dalam situasi yang pelbagai dan kompleks. Ilmu ini bukan sahaja menyediakan prinsip dan panduan umum bagi memudahkan proses penguasaan terhadap isu-isu *fiqh* yang jumlahnya begitu banyak, bahkan sebagai jalan penyelesaian yang fleksibel dan realistik terhadap isu-isu baru yang sesuai dengan perkembangan semasa serta sering dijadikan asas dalam fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh para *'ulamā'* dalam menentukan hukum bagi pelbagai isu yang dihadapi oleh masyarakat Muslim. Justeru, artikel ini akan menerangkan sejauh mana aplikasi *qawā'id fiqhiyyah* oleh Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī dalam fatwa-fatwa beliau berkaitan isu kontemporari bagi menunjukkan bahawa ilmu ini bukan sekadar teori, tetapi mempunyai aplikasi yang sangat praktikal.

Skop dan Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan memberi fokus kepada analisis dokumen secara mendalam terhadap fatwa dan karya tulisan Dr. Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī. Data utama diperoleh melalui kajian teks terhadap penulisan beliau seperti kitab-kitab beliau, penulisannya berhubung isu semasa, syarahannya, serta fatwa yang dirakam atau diterbitkan. Pendekatan ini bertujuan untuk menelusuri kaedah penerapan *qawā'id fiqhiyyah* dalam penghujahan fatwa beliau secara sistematik dan kontekstual. Di samping itu, kajian ini turut merujuk kepada sumber-sumber *fiqh* klasik dan penulisan semasa yang berkaitan dengan *qawā'id fiqhiyyah* serta penerapannya dalam menangani persoalan kontemporari.

Konsep Qawā'id Fiqhiyyah

Definisi Qawā'id Fiqhiyyah

Qawā'id fiqhiyyah merupakan prinsip-prinsip *fiqh* yang bersifat umum dan bertujuan untuk menghimpunkan hukum-hukum syarak dalam isu-isu tertentu. Ia merupakan alat penting bagi para *'ulamā'* dalam membuat keputusan hukum dengan cara yang lebih sistematik dan berdasarkan asas yang kukuh. *Qawā'id fiqhiyyah* berasal dari dua perkataan iaitu *qawā'id* dan *fiqhiyyah* yang mempunyai hubungan *murakkab idāfi* mengikut ilmu tatabahasa Arab.¹ Perkataan *qawā'id* merupakan *jam'* bagi perkataan *qā'idah* yang bermaksud asas atau asal bagi sesuatu sama ada secara *hissī* seperti ayat (قَوَاعِدُ الْبَيْتِ) iaitu tapak rumah, ataupun secara *ma'nawī* seperti (قَوَاعِدُ الدِّينِ) iaitu asas agama.² Lafaz *qawā'id* dengan makna yang sama juga dinyatakan di dalam al-Qur'ān dalam Surah al-Baqarah ayat 127 dan Surah al-Nahl ayat 26 :

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

¹ Muḥammad 'Uthmān Shabīr, *al-Qawā'id al-Kulliyah wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhiyyah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* ('Amān: Dār al-Nafā'is, 2007), hlm. 11.

² al-Nadwī, 'Alī Aḥmad, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2020).

Terjemahan : Dan ingatlah ketika Ibrahim mengangkat dasar-dasar bangunan Kaabah bersama Ismail, sambil berdoa: “Wahai Tuhan kami, terimalah amalan kami, sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Dan firman Allah SWT di dalam Surah al-Naḥl ayat 26 :

فَأَتَى اللَّهَ بُنْيَانُهُم مِّنَ الْقَوَاعِدِ

Terjemahan : Maka Allah meruntuhkan bangunan mereka dari asasnya.

Manakala perkataan *fiqhiyyah* pula berasal daripada perkataan *fiqh* yang bermaksud faham.³ Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Nisā’ ayat 78:

فَمَالِ هَؤُلَاءِ الْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ حَدِيثًا

Terjemahan : Maka apakah yang menyebabkan kaum itu hampir-hampir tidak memahami perkataan (nasihat dan pengajaran)?

Dari sudut istilah pula, perkataan *al-fiqh* membawa maksud pengetahuan terhadap hukum-hakam *syar’* yang berkaitan dengan perbuatan dan percakapan *mukallaḥ*, yang hukum-hakam tersebut hasil daripada dalil-dalilnya yang terperinci sama ada daripada *al-Qur’ān*, *al-Sunnah*, atau pecahan daripada kedua-duanya iaitu *ijmā’* dan *ijtihad*.⁴ Misalnya, pengetahuan kita bahawa niat untuk berwudhuk adalah wajib berdasarkan sabdaan Rasulullah SAW, “Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat” atau pengetahuan kita bahawa menyapu kepala ketika wudhuk juga adalah wajib bersandarkan kepada ayat *al-Qur’ān* Surah *al-Mā’idah* ayat 6 yang menyatakan, “Sapulah sebahagian daripada kepala kamu.”⁵

Adapun perkataan *qawā’id fiqhiyyah* apabila digabungkan maka secara istilahnya menurut Muṣṭafā al-Zarqā’ yang juga dinukilkan oleh Muḥammad Nūruddīn Marbū al-Banjārī⁶ dan ‘Alī Aḥmad al-Nadwī⁷ bermaksud :

فَالْقَوَاعِدُ الْفَقْهِيَّةُ هِيَ أَصُولُ فِقْهِيَّةٍ كُلِّيَّةٍ فِي نُصُوصٍ مُّوجِبَةٍ دُسْتُورِيَّةٍ، تَتَضَمَّنُ أَحْكَامًا تَشْرِيعِيَّةً عَامَّةً، فِي الْحَوَادِثِ الَّتِي تَدْخُلُ تَحْتَ مَوْضِعِهَا

³ Muṣṭafā al-Khān, Muṣṭafā al-Bughā, & ‘Alī al-Syabājī, *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhab al-Imām al-Shāfi’ī*, (Dimashq: Dār al-Qalam, 1992), 1: 7.

⁴ *Ibid.*

⁵ *Ibid.*, 8.

⁶ al-Makkī, Muḥammad Nūruddīn Marbū al-Banjār, *al-Durar al-Bahiyyah fī Ṭdāḥ al-Qawā’id al-Fiqhiyyah* (Shah Alam: SNTV Media, 1994), 9.

⁷ al-Nadwī, ‘Alī Aḥmad, *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2020), 42.

Terjemahan : *Qawā'id fihiyyah* adalah prinsip-prinsip fiqh yang bersifat umum, berbentuk teks-teks ringkas, menghimpunkan hukum-hukum syarak yang umum terhadap isu-isu yang terkandung di dalam perbincangannya.⁸

Manakala al-Fadānī memberikan definisi lain bagi *qawā'id fihiyyah* yang lebih menunjukkannya sebagai satu ilmu yang tersendiri.⁹ Menurut al-Fadānī, *qawā'id fihiyyah* adalah :

قَانُونٌ تُعْرَفُ بِهِ أَحْكَامُ الْخَوَادِثِ الَّتِي لَا نَصَّ عَلَيْهَا مِنْ كِتَابٍ أَوْ سُنَّةٍ أَوْ إِجْمَاعٍ

Terjemahan: *Qawā'id fihiyyah* adalah satu peraturan yang diketahui dengannya hukum-hukum baru yang tidak dinaskan sama ada daripada *al-Qur'ān*, *Sunnah*, atau *ijmā'*.¹⁰

Dari sudut sejarah penulisan pula, *qawā'id fihiyyah* telah melalui beberapa fasa yang melibatkan para '*ulamā'* terdahulu dan kontemporari iaitu fasa perkembangan, fasa penulisan, fasa pemantapan, dan fasa kebangkitan ilmu.¹¹ Sebelum kurun ke-4 Hijrah, *qawā'id fihiyyah* belum ditulis secara sistematik lagi. Sebahagian '*ulamā'* mencatat beberapa *qawā'id fihiyyah* di dalam penulisan mereka secara tidak tersusun. Antaranya, al-Shāfi'ī menyebutkan satu *qā'idah* di dalam kitab *al-Umm* :

لَا يُنْسَبُ إِلَى سَاكِتٍ قَوْلٌ قَائِلٍ وَلَا عَمَلٌ عَامِلٍ إِنَّمَا يُنْسَبُ إِلَى كُلِّ قَوْلُهُ وَعَمَلُهُ

Terjemahan : Tidak boleh dinisbahkan kepada orang yang diam, perkataan orang yang berkata atau perbuatan orang yang berbuat. Sesungguhnya hanya perkataan dan perbuatan seseorang itu yang boleh dinisbahkan kepadanya.¹²

Begitu juga satu *qā'idah* yang disebutkan oleh Abū Yūsuf yang menyatakan :

لَا يُنْسَبُ إِلَى سَاكِتٍ قَوْلٌ قَائِلٍ وَلَا عَمَلٌ عَامِلٍ إِنَّمَا يُنْسَبُ إِلَى كُلِّ قَوْلُهُ وَعَمَلُهُ

Terjemahan : Tidak boleh bagi imam (pemerintah) untuk mengambil sesuatu dari tangan seseorang kecuali dengan hak yang jelas dan tetap.¹³

Penulisan *qawā'id fihiyyah* secara khusus bermula pada kurun ke-4 Hijrah dengan penulisan kitab seperti *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām* oleh 'Izzuddīn bin 'Abd al-Salām, *al-Asybah wa al-Nazā'ir* oleh Ibn al-Wakīl, *al-Majmū' al-Muḥab fī Qawā'id al-Madhhab* oleh al-

⁸ al-Zarqā', Aḥmad bin Muḥammad, *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Dimashq: Dār al-Qalam, 1989), 34.

⁹ Muḥammad 'Uthmān Shabīr, *al-Qawā'id al-Kulliyah*, 48.

¹⁰ al-Fadānī, Muḥammad Yāsīn bin 'Isā, *al-Fawā'id al-Janiyyah Ḥāshiyah al-Mawāhib al-Saniyyah* (Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1996), 1:69.

¹¹ Muḥammad 'Uthmān Shabīr, *al-Qawā'id al-Kulliyah*, 48.

¹² Lihat al-Shāfi'ī, Muḥammad bin Idrīs, *al-Umm* (Beirut: Dār al-Fikr, 1983), 1:178.

¹³ Abū Yūsuf, Ya'qūb bin Ibrāhīm, *al-Kharāj* (Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 1999), 78.

'Alā'ī, *al-Asybah wa al-Nazā'ir* oleh Tāj al-Dīn al-Subkī, *al-Asybah wa al-Nazā'ir* oleh Ibn al-Mulaqqin, *al-Asybah wa al-Nazā'ir* oleh al-Suyūṭī dan lain-lain lagi. Menurut al-Nadwī, kitab *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām* adalah merupakan karya terawal yang dikarang di dalam lapangan ini yang sampai kepada kita¹⁴ walaupun setiap kaedah fiqh yang disebutkan oleh 'Izzuddīn 'Abd al-Salām masih tidak disusun secara sistematik.¹⁵ Adapun kitab *al-Asybah wa al-Nazā'ir* oleh Ibn al-Wakīl adalah kitab pertama di dalam *qawā'id fiqhiyyah* yang dinamakan dengan *al-Asybah wa al-Nazā'ir* sebelum diikuti pula oleh para 'ulamā' lain selepasnya.¹⁶

Pembahagian Qawā'id Fiqhiyyah

Menurut 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd Allāh al-Saqqāf, *qawā'id fiqhiyyah* terbahagi kepada beberapa bahagian berdasarkan sudut perbincangan. Dari sudut keluasan aplikasinya maka ia terbahagi kepada tiga iaitu *al-qawā'id al-kulliyah al-kubrā*, *al-qawā'id al-kulliyah al-āmmah*, dan *al-qawā'id al-kulliyah al-khāṣṣah*. Dan dari sudut sumber *qawā'id fiqhiyyah*, ia terbahagi kepada dua iaitu *qawā'id fiqhiyyah* yang terhasil daripada al-Qur'ān dan al-Sunnah dan *qawā'id fiqhiyyah* yang dihasilkan oleh para 'ulamā'. Manakala dari sudut kesepakatan para 'ulamā' terhadap *qawā'id fiqhiyyah* juga terbahagi kepada dua iaitu *qawā'id fiqhiyyah* yang disepakati oleh para 'ulamā' akan penggunaannya dan *qawā'id fiqhiyyah* yang tidak disepakati oleh para 'ulamā' akan penggunaannya.¹⁷

Kepentingan Qawā'id Fiqhiyyah

Qawā'id fiqhiyyah mempunyai peranan penting dalam memudahkan proses istinbāt hukum. Ia menyediakan garis panduan umum yang membantu 'ulamā' dan fuqahā' untuk menguasai hukum-hakam fiqh dengan lebih teratur dan sistematik¹⁸ kerana di bawah setiap qā'idah terkandung jawapan bagi pelbagai persoalan fiqh¹⁹ sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Qarāfī dengan katanya :

مَنْ ضَبَطَ الْفِقْهَ بِقَوَاعِدِهِ، اسْتَعْنَى عَنْ حِفْظِ أَكْثَرِ الْجَزْئِيَّاتِ لِأَنْدِرَاجِهَا فِي الْكُلِّيَّاتِ

Terjemahan : Barangsiapa yang menguasai ilmu fiqh melalui kaedah-kaedahnya, dia tidak perlu menghafal kebanyakan juziyyāt kerana semuanya termasuk dalam prinsip-prinsip yang umum.²⁰

Kepentingannya terletak pada kemampuannya untuk memberikan penjelasan yang menyeluruh tanpa perlu merujuk kepada semua dalil-dalil terperinci. Ini menjadikan qawā'id fiqhiyyah sangat relevan dalam dunia yang sentiasa berubah, di mana 'ulamā' perlu memberikan

¹⁴ Al-Nadwī, 'Alī Aḥmad, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Dimasyq: Dār al-Qalam, 2020), 212.

¹⁵ *Ibid.*, 213.

¹⁶ *Ibid.*, 215.

¹⁷ Al-Saqqāf, 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd Allāh, *al-Istidlāl bi al-Qawā'id al-Fiqhiyyah 'Inda al-Shāfi'iyyah* (Kuwait: Dār al-Ḍiyā', 2019), 30–32.

¹⁸ Al-Nadwī, 'Alī Aḥmad, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Dimasyq: Dār al-Qalam, 2020), 325.

¹⁹ Muḥammad 'Uthmān Shabīr, *al-Qawā'id al-Kulliyah*, 136.

²⁰ al-Qarāfī, Aḥmad Bin Idrīs, *al-Furūq* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2003), 62.

pandangan terhadap isu-isu yang tidak pernah dibincangkan secara langsung dalam sumber-sumber asal selain membantu para 'ulamā' dalam menguatkan fatwa dengan lebih jelas dan kukuh.²¹ Al-Qarāfī menyatakan :

وَهَذِهِ الْقَوَاعِدُ مُهِمَّةٌ فِي الْفِقْهِ عَظِيمَةُ النَّفْعِ وَبِقَدْرِ الْإِحَاطَةِ بِهَا يَعْظُمُ قَدْرُ الْفَقِيهِ، وَيَشْرَفُ وَيُظْهَرُ
رَوْنُقُ الْفِقْهِ وَيُعْرَفُ وَتَتَضَيِّحُ مَنَاهِجُ الْفَتَاوَى وَتُكْشَفُ

Terjemahan: *Kaedah ini mempunyai kepentingan dan manfaat yang besar dalam ilmu fiqh. Semakin hebat penguasaan seseorang itu dalam qawā'id fiqhiyyah, semakin tinggi dan mulia kedudukannya sebagai ahli fiqh, serta semakin jelas metodologi yang diaplikasikannya dalam berfatwa.*²²

Fatwa Dan Isu Kontemporari: Huraian Konseptual

Secara umumnya, definisi fatwa dari sudut istilah adalah hampir sama maknanya dengan definisinya dari sudut bahasa. Al-Qarāfī antaranya menyatakan bahawa fatwa ialah mengkhabarkan hukum Allah sama ada pada perkara yang mesti atau harus.²³ Manakala al-Qunāwī menambah bahawa jawapan terhadap persoalan itu mestilah daripada seorang mufti.²⁴ 'Alī Jumū'ah²⁵ dan 'Abd Allāh bin Bayyah²⁶ memberikan definisi fatwa yang hampir sama, iaitu penjelasan hukum syarak berdasarkan dalil terhadap persoalan yang dikemukakan, sama ada berkaitan persoalan semasa atau sebaliknya. Taqī al-'Uthmānī menjelaskan lagi bahawa hukum syarak yang dimaksudkan di sini bukanlah semata-mata yang bersifat amali (iaitu fiqh), tetapi termasuk juga permasalahan yang berkaitan dengan 'aqīdah.²⁷

Yūsuf al-Qaraḍāwī mengatakan bahawa persoalan yang dikemukakan itu sama ada bersifat jelas atau samar dan sama ada persoalan itu dikemukakan secara bersendirian ataupun secara berjemaah.²⁸ Wahbah al-Zuhaylī menyatakan bahawa fatwa bersifat lebih khusus berbanding ijtihād kerana ijtihād adalah proses pengeluaran hukum sama ada bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan atau tidak. Manakala fatwa lebih bersifat responsif seorang faqīh terhadap persoalan yang ditimbulkan kepadanya.²⁹ Kalimat fatwa di dalam bahasa Melayu juga membawa maksud yang sama iaitu keputusan tentang suatu hukum agama (yang belum pernah

²¹ Al-Nadwī, al-Qawā'id al-Fiqhiyyah, 333.

²² Al-Qarāfī, al-Furūq, 62.

²³ al-Qarāfī, Aḥmad bin Idrīs, *Anwār al-Burūq fī Anwā' al-Furūq*, (Kuwait: Dār al-Nawādir, 2010), 4:53.

²⁴ al-Qunāwī, Qāsim, *Anīs al-Fuqahā'*, Jeddah: Dār al-Wafā li al-Nashr wa al-Tawzī', 1986, 309.

²⁵ 'Alī Jumū'ah, *Šinā'ah al-Iftā'*, Kaherah: Nahḍah Miṣr, 2008, hlm. 5.

²⁶ Ibn Bayyah, 'Abd Allāh Bin al-Shaykh al-Maḥfūz, *Šinā'ah al-Fatwā*, (Dubai: Markaz al-Muwaṭṭa', 2018, hlm. 27.

²⁷ al-'Uthmānī, Muḥammad Taqī, *Uṣūl al-Iftā' wa Ādābuhu*, (Dimasyq: Dār al-Qalam, 2018), 10.

²⁸ al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *al-Fatwā Bayna al-Indibāṭ wa al-Tasayyub* (Kāhirah: Dār al-Šaḥwah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1988), 11.

²⁹ al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009), 434.

diputuskan lagi) berdasarkan naş al-Qur’ān, ḥadīth, dan sumber hukum lain, termasuk ijtihād oleh mufti (atau mereka yang berwenang tentang keputusan hukum syarak).³⁰

Perkataan *kontemporari* pula menurut bahasa membawa tiga maksud iaitu sama ada “pada masa yang sama”, “semasa ataupun sesama (dengan seseorang atau sesuatu)”, atau “pada masa kini.”³¹ Dalam bahasa Arab, *kontemporari* merujuk kepada perkataan *mu’āṣirah*. *Mu’āṣirah* berasal daripada perkataan *al-‘aṣr* yang merujuk kepada masa atau waktu sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Qur’ān :

وَالْعَصْرِ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ

Terjemahan : Demi masa, sesungguhnya manusia dalam kerugian.³²

Menurut ‘Abd al-Razzāq al-Kindī, penggunaan perkataan *mu’āṣirah* tidak ada perbezaan yang besar dari sudut makna bahasa dan istilah. Maka apabila disebut *masā’il mu’āṣirah* atau isu-isu kontemporari dalam perbincangan fiqh, maka ia merujuk kepada isu-isu yang dikaitkan dengan zaman di mana isu itu disandarkan.³³ “Uthmān Shabīr pula dalam kenyataannya tentang *mu’āṣirah* menyatakan :

الْعَصْرُ الْحَالِي الَّذِي وَقَعَتْ فِيهِ وَظَهَرَتْ الْكَثِيرُ مِنَ الْمَسَائِلِ الْمُسْتَجَدَّةِ الَّتِي تَحْتَاجُ إِلَى بَيَانِ الْحُكْمِ الشَّرْعِيِّ فِيهَا.

Terjemahan : Zaman semasa di mana berlakunya banyak isu-isu baru yang memerlukan kepada penjelasan hukum syarak.³⁴

Manākalah ‘Abd al-Raḥmān al-Lawāihīq dalam kajiannya berkenaan *al-Ghuluw*, berpandangan bahawa zaman tersebut adalah ketika sekitar hujung tahun 1380 Hijrah hingga sekarang.³⁵ Maka penggunaan perkataan *kontemporari* dalam kajian ini merujuk kepada makna tersebut.

Biografi Ringkas Muḥammad Sa’īd Ramaḍān al-Būṭī

Al-Būṭī dilahirkan pada tahun 1929 di sebuah perkampungan berdekatan tebing Sungai Dajlah³⁶ dalam kawasan yang dikenali sebagai Semenanjung Ibnu ‘Umar menurut bahasa Arab

³⁰ Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 408, entri “fatwa.”

³¹ Kamus Dewan, 818, entri “kontemporari.”

³² Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukrim, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār al-Ṣādir, t.t.), 4: 575.

³³ Al-Kindī, ‘Abd al-Razzāq bin ‘Abd Allāh Ṣāliḥ, *al-Mufattirāt al-Ṭibbiyyah al-Mu’āṣirah: Dirāsah Fiqhiyyah Ṭibbiyyah Muqāranah* (Riyāḍ: Dār al-Ḥaḥīqah al-Kawniyyah li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2014), 30.

³⁴ Muḥammad ‘Uthmān Shabīr, *al-Mu’āmalāt al-Māliyyah al-Mu’āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī* (‘Urdun: Dār al-Nafā’is, 2001), 4:11.

³⁵ Muḥammad ‘Uthmān Shabīr, *al-Mu’āmalāt al-Māliyyah al-Mu’āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī* (‘Urdun: Dār al-Nafā’is, 2001), 4:11.

³⁶ Lebih dikenali dengan nama Sungai Tigris. Lihat “Sungai Dajlah,” diakses pada 4 Mei 2020, https://ms.wikipedia.org/wiki/Sungai_Dajlah.

dan dikenali sebagai Semenanjung Būṭān di dalam bahasa Kurdi.³⁷ Maka, gelaran *al-Būṭī* itu dinisbahkan kepada tempat kelahirannya iaitu Būṭān. Ketika berumur 4 tahun, ayahnya membawa mereka sekeluarga berhijrah dari bumi Būṭān ke bumi Dimashq atas beberapa sebab.³⁸ Al-Būṭī menerima pendidikan awal agama daripada bapanya sendiri. Setiap hari setelah pulang dari sekolah, bapanya akan mengajarkannya prinsip-prinsip 'aqidah Islām dan sirah Rasūlullāh SAW, selain mengajarkannya beberapa 'ulūm al-ālāt seperti *naḥw* dan *ṣarf*. Setelah tamat peringkat rendah, al-Būṭī dihantar untuk mempelajari bidang agama di Ma'had al-Tawjīh al-Islāmī di Masjid Manjak yang terletak di kawasan Maydān, Dimashq. Sepanjang pembelajarannya di Ma'had al-Tawjīh al-Islāmī, beliau tinggal sebagai pelajar asrama dan hanya pulang ke rumah pada setiap hari Selasa untuk meneruskan pengajian dengan ayahnya.³⁹

Setelah itu, beliau meneruskan pengajiannya di Universiti al-Azhar, Mesir sehingga memperolehi PhD dalam bidang Syarī'ah.⁴⁰ Tesisnya "*Perimeter Maṣlaḥah dalam Syarī'at Islām*" kemudiannya menjadi antara rujukan utama dalam dunia akademik terutamanya dalam bidang Uṣūl al-Fiqh. Beliau pernah beberapa kali dilantik sebagai Dekan Fakulti Syarī'ah di Universiti Dimashq⁴¹ selain telah beberapa kali menjadi Ketua Jabatan 'Aqidah dan Pemikiran Agama.⁴² Selain itu, al-Būṭī juga terlibat dengan beberapa pertubuhan Islām antarabangsa seperti Ahli Penasihat *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, Fellow *The Royal Āl al-Bayt Institute for Islamic Thought*,⁴³ Anggota *Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islām (AAOIFI)*, dan lain-lain lagi.⁴⁴ al-Būṭī telah dibunuh pada hari Khamīs malam Jum'ah, 21 Mac 2013 Masīḥī bersamaan 10 Jumādā al-Ūlā 1434 Hijrī akibat serangan bom di miḥrāb Masjid al-Īmān ketika sedang menyampaikan kuliah tafsīr.⁴⁵

³⁷ "Nubdhah 'an Ḥayāh al-'Allāmah al-Imām al-Shahīd Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī." Dalam *Mutarjamāt min A'māl al-Imām*, diakses 1 Ogos 2021, https://www.naseemalsham.com/persons/Muhammad_Sa'i'd_Ramadhan_al_bouti/subjects/view/ar_en_fr_book, 5.

³⁸ al-Būṭī, *Hādhā Walidī*, 34.

³⁹ Hari Selasa merupakan hari cuti bagi Ma'had al-Taujīh al-Islāmī. Lihat: Muḥyiddīn Dīb Mīstū, *Muṣṭafā Sa'īd al-Khān: al-'Ālim al-Murabbī wa Shaykh 'Ilm Uṣūl al-Fiqh fī Bilād al-Shām* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2001), 21; Nubdhah 'an Ḥayāt al-'Allāmah al-Imām al-Shahīd Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, dalam *Mutarjamāt min A'māl al-Imām* (2020), h. 10. Pautan: https://www.naseemalsham.com/persons/Muhammad_Sa'i'd_Ramadhan_al_bouti/subjects/view/ar_en_fr_book; al-Būṭī, *Hādhā Walidī*, 60.

⁴⁰ al-Būṭī, *Hādhā Walidī*, 63.

⁴¹ Al-Maydānī, al-Shaykh Ḥasan, 132.

⁴² "Ḥadīth al-Zikrāyāt Ma'a Faḍīlah al-Shaykh Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī dalam rancangan "Ulamā' Mubdi'ūn." Laman sesawang YouTube. Diakses 1 Ogos 2021. <https://www.youtube.com/watch?v=A5nmSEOzRww>.

⁴³ <https://www.aalalbayt.org/fellows/late-fellows/>. Diakses 3 September 2021.

⁴⁴ Nubzah 'an Ḥayāh al-'Allāmah al-Imām al-Shahīd Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī. Dalam *Mutarjamāt min A'māl al-Imām*. Diakses 1 Ogos 2021. 2020, hlm. 12. Pautan: https://www.naseemalsham.com/persons/Muhammad_Sa'id_Ramadhan_al_bouti/subjects/view/ar_en_fr_book.

⁴⁵ Nubzah 'an Ḥayāh al-'Allāmah al-Imām al-Shahīd Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī. Dalam *Mutarjamāt min A'māl al-Imām*. Diakses 1 Ogos 2021. 2020, hlm. 13. Pautan:

Aplikasi Qawā'id Fiqhiyyah oleh Al-Būṭī dalam Fatwa Isu Kontemporari

Perbincangan akan menumpukan perbahasan terhadap aplikasi *qawā'id fiqhiyyah* oleh al-Būṭī dalam berinteraksi dengan tiga isu kontemporari yang melibatkan tema perubatan, kepenggunaan, dan kenegaraan.

Perubatan : Pendermaan Organ

Bagi isu pendermaan organ, al-Būṭī berpandangan bahawa ia termasuk dalam isu fiqh kontemporari dan memerlukan kepada *ijtihad* baru dengan merujuk kepada *naṣ-naṣ*, *qawā'id fiqhiyyah* yang berkaitan serta isu-isu yang hampir sama yang pernah dibahaskan oleh para 'ulamā' sebelumnya.⁴⁶ Al-Būṭī telah mengaplikasikan beberapa *qawā'id fiqhiyyah* dalam isu ini iaitu antaranya beliau menyatakan bahawa hukum asal bagi derma organ adalah harus memandangkan tiada dalil khusus yang mengharamkannya. *Qā'idah* tersebut ialah :

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ حَتَّى يُدُلَّ الدَّلِيلُ عَلَى تَحْرِيمٍ

Terjemahan : Asal setiap sesuatu adalah harus sehingga ada dalil yang menunjukkan kepada pengharaman.⁴⁷

Kaedah ini adalah kaedah yang digunapakai oleh jumhur 'ulamā' iaitu di kalangan Mālikiyyah, Shāfi'iyyah, dan Ḥanābilah. Adapun menurut Abū Ḥanīfah, beliau menggunakan kaedah yang bertentangan daripada kaedah ini, iaitu :

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ التَّحْرِيمُ حَتَّى يُدُلَّ الدَّلِيلُ عَلَى الْإِبَاحَةِ

Terjemahan : Asal setiap sesuatu adalah haram sehingga ada dalil yang menunjukkan kepada pengharusannya.⁴⁸

Kaedah yang diaplikasikan oleh jumhur 'ulamā' adalah berdasarkan ayat 29 Surah al-Baqarah yang menyatakan :

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Terjemahan : Dia (Allah) yang menjadikan untuk kamu (sebagai kegunaan) segala yang ada di bumi.⁴⁹

Kaedah ini juga berdasarkan sebuah ḥadīth yang diriwayatkan daripada Abī al-Dardā' bahawa Rasūlullāh ṣallallāh 'alayhi wa-sallam bersabda:

https://www.naseemalsham.com/persons/Muhammad_Sa'id_Ramadan_al_bouti/subjects/view/ar_en_fr_book.

⁴⁶ Al-Būṭī, *Qaḍāyā Fiqhiyyah*, 108.

⁴⁷ al-Zuhaylī, Muḥammad Muṣṭafā, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah wa Taṭbīqātuhā fī al-Madhāhib al-Arba'ah* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2006), 1:190.

⁴⁸ Al-Suyūṭī, 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Shāfi'iyyah* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2005), hlm. 60; dan al-Zuhaylī, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 1:190.

⁴⁹ Al-Saqqāf, *al-Istidlāl bi al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 321.

مَا أَحَلَّ اللَّهُ فَهُوَ حَالِلٌ وَمَا حَرَّمَ فَهُوَ حَرَامٌ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَفْوٌ، فَاقْبَلُوا مِنَ اللَّهِ عَافِيَتَهُ فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُنْ لِيَنْسَى شَيْئًا

Terjemahan : Sesuatu yang dihalalkan oleh Allah SWT maka hukumnya adalah halal dan sesuatu yang diharamkan oleh Allah SWT maka hukumnya adalah haram. Dan sesuatu yang didiamkan maka hukumnya dimaafkan. Maka terimalah keringanan yang diberikan oleh Allah SWT kerana sesungguhnya Allah SWT tidak melupakan sesuatu apapun.⁵⁰

Bahkan jika diteliti dalam pengajian uṣūl al-fiqh, kaedah yang dinyatakan ini juga termasuk dalam kaedah uṣūliyyah. Ini berdasarkan kenyataan oleh Abū al-Ma'ālī al-Juwaynī di dalam kitabnya *al-Waraqāt*:

أَنَّ الْأَصْلَ فِي الْأَشْيَاءِ عَلَى الْإِبَاحَةِ إِلَّا مَا حَظَرَهُ الشَّرْعُ

Terjemahan : Sesungguhnya asal hukum sesuatu perkara adalah harus melainkan ada dalil syarak yang menyatakan pengharamannya.⁵¹

Timbul persoalan seterusnya, bukannya segala tubuh badan dan organ badan yang dinikmati oleh manusia sekarang kesemuanya adalah milik Allāh Ta'ālā? Jadi bukannya kita dilarang untuk mendermakan sesuatu yang bukan milik kita? Al-Būṭī membenarkan bahawa kesemua yang kita ada termasuk nyawa adalah milik Allāh Ta'ālā. Walaubagaimanapun, Allāh Ta'ālā memberikan ḥaq al-taṣarruf (hak untuk menggunakannya) kepada kita untuk kita memanfaatkan anggota badan dan organ mengikut apa yang telah Allāh Ta'ālā syariatkan. Al-Būṭī telah menyatakan satu qā'idah yang penting dalam isu ini iaitu :

كُلُّ مَا ثَبَتَ لِلْإِنْسَانِ حَقُّ التَّصَرُّفِ فِيهِ، كَانَ لَهُ حَقُّ الْإِثَارِ بِهِ

Terjemahan : Dan setiap perkara yang ditetapkan sebagai hak *al-taṣarruf* bagi manusia, maka dia juga mempunyai hak *al-ithār* (hak mengutamakan orang lain) terhadap perkara tersebut.⁵²

Kaedah ini bermaksud Allah SWT memberikan hak al-taṣarruf (hak untuk menggunakan) kepada kita untuk kita memanfaatkan anggota badan dan organ kita mengikut apa yang telah Allah SWT syariatkan. Kaedah ini menunjukkan bahawa, apabila Allah SWT telah memberikan kepada manusia hak untuk menggunakan sesuatu dan dalam konteks ini adalah segala anggota badan dan organ, oleh itu, ia menunjukkan bahawa Allah SWT juga memberikan kepada manusia hak untuk menggunakan anggota dan organ tersebut untuk maṣlaḥah saudaranya yang lain.

⁵⁰ Al-Suyūṭī, *al-Asybah wa al-Nazā'ir*, 60 dan al-Makkī, *al-Durar al-Bahiyyah*, 9.

⁵¹ Al-Maḥallī, Muḥammad bin Aḥmad, *Sharḥ al-Jalāl al-Maḥallī 'alā Waraqāt Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī* (Gombak: Pembangunan Ruwaq Jawi, 2021), 105.

⁵² Al-Būṭī, *Qaḍāyā Fiqhiyyah*, 122.

Walaupun al-Būṭī memfatwakan keharusan pendermaan organ, beliau telah menggariskan beberapa *ḍawābiṭ* yang perlu dipatuhi supaya perbuatan pendermaan organ masih berada dalam kerangka yang diharuskan syarak. Di antara *ḍawābiṭ* yang diletakkan oleh al-Būṭī adalah berdasarkan kepada sebuah kaedah *fiqhiyyah* iaitu :

الضَّرُورَاتُ تُقَدَّرُ بِقَدَرِهَا

Terjemahan : Darurat itu ditetapkan kadarnya mengikut keperluannya.

Kaedah ini membawa maksud keharusan sesuatu perkara yang asalnya diharamkan disebabkan oleh keadaan *ḍarūrah* hanya diharuskan sekadar bagi menghilangkan *ḍarūrah* tersebut sahaja tanpa melebihinya.⁵³ Berdasarkan kaedah *fiqhiyyah* ini, al-Būṭī menyatakan bahawa organ yang hendak diambil daripada penderma organ hanyalah sekadar yang diperlukan sahaja dan dilarang mengambil lebih daripada keperluan. Misalnya, jika yang sangat diperlukan hanya seperlima dari bahagian tubuh mayat manusia, maka tidak boleh membedah lebih dari itu. Jika pembedahan cukup dilakukan terhadap sebahagian anggota tubuh sahaja bagi menyelesaikan sebuah jenayah, maka tidak boleh dilakukan lebih dari yang diperlukan.⁵⁴ Dalam isu yang sama, al-Qaradāwī, seorang lagi ‘ulamā’ semasa, misalnya meletakkan *ḍawābiṭ* bahawa pendermaan organ yang dilakukan hendaklah dipastikan tidak menyebabkan kemudaratannya kepada penderma kerana kaedah *fiqhiyyah* menyatakan bahawa :

الضَّرُّ لَا يُزَالُ بِالضَّرِّ

Terjemahan : Darurat tidak boleh dihapuskan dengan darurat yang lain (yang sama kemudaratannya atau yang lebih besar kemudaratannya).⁵⁵

Kepenggunaan : Penggunaan Ubat-ubatan dan Kosmetik dari Unsur Haram

Al-Būṭī dalam fatwanya ketika membincangkan berkenaan penggunaan ubat-ubatan dan produk kosmetik dari unsur yang diharamkan, selain membahaskan berkaitan konsep *istiḥālah*,⁵⁶ al-Būṭī juga menyatakan satu kaedah *fiqhiyyah* dalam penghujaannya iaitu :

⁵³ Al-Saqqāf, *al-Istidlāl bi al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 438.

⁵⁴ Al-Būṭī, *Ensiklopedi Fatwa*, 149.

⁵⁵ "Ḥukmu al-Tabarru' bi al-A'dā'", al-Shaykh Yūsuf al-Qaradāwī, *al-Sharī'ah wa al-Ḥayāh*, diakses 28 November 2023, <https://www.youtube.com/watch?v=F9IDvMQQUjo>.

⁵⁶ *Istiḥālah* dari sudut bahasa bermaksud: تَغْيِيرُ الشَّيْءِ (Terjemahan: Perubahan sesuatu.)
Lihat al-Munāwī, 'Abd al-Ra'ūf bin al-Munāwī, *al-Tawqīf 'alā Muḥimāt al-Ta'rīf* (Kaherah: 'Ālam al-Kutub, 1990), hlm. 47. Manākah dari istilāhnya, *Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī* atau *Kesatuan Fiqh Islam Antarabangsa* dalam resolusinya pada tahun 2015 telah mendefinisikannya sebagai berikut :
تُغَيَّرُ حَقِيقَةُ الْمَادَّةِ النَّجَسَةِ أَوْ الْمُحَرَّمِ تَنَاقُلاً، وَانْقِلَابٌ عَنْهَا إِلَى مَادَّةٍ أُخْرَى مُخْتَلِفَةٍ عَنْهَا فِي الْإِسْمِ وَالْخَصَائِصِ وَالصِّفَاتِ، وَيُغَيَّرُ عَنْهَا فِي الْمَصْطَلَحِ الْعِلْمِيِّ الشَّائِعِ بِشَأْنِهَا كُلُّ تَفَاعُلٍ كِيمِيَاءِيٍّ كَامِلٍ
Terjemahan : Perubahan hakikat suatu bahan najis atau bahan yang diharamkan pengambilannya, dan mengubah zatnya kepada bahan lain yang berbeza daripada zat asalnya sama ada dari sudut nama, ciri-ciri, dan sifatnya. Dalam terminologi sains, proses ini dikenali sebagai tindak balas kimia yang

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الطَّهَارَةُ

Terjemahan : Asal segala sesuatu adalah suci.⁵⁷

Secara asasnya, kaedah yang disebutkan oleh al-Būṭī adalah kaedah yang memberi makna yang sama dengan satu lagi kaedah juziyyah lain iaitu :

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ

Terjemahan : Asal segala sesuatu adalah harus.⁵⁸

Menurut al-Būṭī, berdasarkan kaedah ini, diharuskan menggunakan apa-apa produk sama ada ubat-ubatan atau produk kosmetik atau lain-lain selagimana tidak ada bukti yang jelas yang menunjukkan bahawa produk tersebut mengandungi bahan yang berunsur najis atau mengandungi bahan yang diharamkan. Maka sangkaan semata-mata bahawa sesuatu produk itu mengandungi najis atau bahan yang diharamkan tidak akan mengubah hukum asalnya iaitu harus menjadi haram sehinggalah terbukti secara yakin sebaliknya.⁵⁹ Kenyataan ini disokong oleh satu kaedah *kulliyah* yang menyatakan :

الْيَقِينُ لَا يُزَالُ بِالشَّكِّ

Terjemahan : Yakin tidak boleh dihilangkan dengan sebab ragu.

Dan kaedah yang diaplikasikan oleh al-Būṭī adalah merupakan pecahan kepada kaedah *kulliyah* ini.

Di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah meletakkan tiga syarat utama penggunaan bahan-bahan haram sebagai ubat iaitu diantaranya adalah pengambilan ubat dari bahan yang haram hendaklah sekadar yang diperlukan sahaja.⁶⁰ Syarat ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang menyatakan :

sempurna. Lihat "Qarār bi Sha'ni al-Istiḥālāh wa al-Istihlāk fī al-Mawādd al-Idāfiyyah fī al-Ghidzā' wa al-Dawā'", diakses 15 Disember 2023, <https://iifa-aifi.org/ar/3988.html>.

⁵⁷ Contoh aplikasi kaedah boleh dilihat di *al-Suyūṭī*, *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*, 51; dan *al-Makkī*, *al-Durar al-Bahiyyah*, 60, 61; dan *al-Saqqāf*. Kaedah ini juga disebut oleh *al-Shirbīnī* di dalam kitabnya *al-Iqnā'* dan di dalam resolusi yang dikeluarkan oleh *Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī* pada tahun 2015 ketika membincangkan isu yang sama. Lihat *al-Shirbīnī*, *al-Iqnā'*, 1:91 dan "Qarār bi Sha'ni al-Istiḥālāh wa al-Istihlāk fī al-Mawādd al-Idāfiyyah fī al-Ghidzā' wa al-Dawā'", diakses 15 Disember 2023, <https://iifa-aifi.org/ar/3988.html>.

⁵⁸ Lihat al-Zuhaylī, Wahbah bin Muṣṭafā, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2014) 7:5264 dan Muḥammad Yusrī Ibrāhīm, *Fiqh al-Nawāzil li al-Aqalliyāt al-Muslimah* (Kāhirah: Dār al-Yusr, 2013), 257.

⁵⁹ Al-Buti, *Ensiklopedi Fatwa*, 132.

⁶⁰ "Garis Panduan Bersama Kawalan Ubat-ubat dalam Islam" diakses 16 Disember 2023, <https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/462-garis-panduan-bersama-kawalan-ubat-ubat-dalam-islam>.

الضَّرُورَاتُ تُقَدَّرُ بِقَدْرِهَا

Terjemahan : Darurat itu ditetapkan kadarnya mengikut keperluannya.

Al-Qaraḍāwī ketika membincangkan isu ini memberi contoh berkaitan proses istiḥālah iaitu seperti najis yang telah dibakar sehingga menjadi abu, atau anjing yang jatuh ke dalam garam dan mereput di dalamnya sehingga tiada lagi unsur anjing. Al-Qaraḍāwī menegaskan pandangannya dengan menyatakan satu kaedah penting, iaitu:

فَدَّ تَغَيَّرَتِ الصِّفَةُ وَتَغَيَّرَتِ الْإِسْمُ، فَتَغَيَّرَ الْحُكْمُ، لِأَنَّ الْحُكْمَ يَدُورُ مَعَ عَلَيْهِ وَجُودًا وَعَدَمًا

Terjemahan : Apabila berubah sifat dan berubah nama, maka hukum pun berubah kerana hukum diputuskan berdasarkan 'illahnya. Jika 'illah ada maka hukum pun ada. Jika 'illah tiada maka hukum juga tiada.⁶¹

'Alī Jumu'ah juga mengaplikasikan satu kaedah fiqh ketika mengeluarkan fatwa tentang keharusan penggunaan ubat-ubatan yang dihasilkan dari bahan yang diharamkan jika pesakit di dalam keadaan darurat iaitu kaedah :

الضَّرُورَاتُ تُبَيِّحُ الْمَحْظُورَاتِ وَتُقَدَّرُ الضَّرُورَةُ بِقَدْرِهَا وَلَا يُنْسَعُ فِيهَا

Terjemahan : Darurat mengharuskan perkara yang haram sekadar untuk menghilangkannya dan tidak digunakan lebih daripada keperluan.⁶²

Kenegaraan : Revolusi Menjatuhkan Pemerintah Muslim

Di dalam fatwanya berkaitan pengharaman melakukan revolusi, al-Būṭī menerangkan bahawa di antara sebab larangan para 'ulamā' ahlussunnah terhadap tindakan menjatuhkan pemerintah Muslim walaupun pemerintah tersebut bersifat dengan fāsiq melalui revolusi adalah bagi mengelakkan berlakunya mudarat yang lebih besar. Bagi menyokong pendapatnya ini, al-Būṭī menyebutkan satu kaedah yang menyatakan :

أَنَّ الْفَاسِقَ يَمْنَعُ انْقِصَادَ الْإِمَامَةِ لَهُ ابْتِدَاءً، وَلَكِنَّهُ لَا يَقْوَى عَلَى إِهْلَاءِ إِمَامَتِهِ دَوَامًا وَاسْتِمْرَارًا

Terjemahan : Sesungguhnya sifat fāsiq menghalang seorang fāsiq dilantik sebagai pemerintah. Akan tetapi, sifat fāsiq yang mendatang (selepas perlantikan) tidak boleh (menjadi sebab) dijatuhkan pemerintah⁶³

Kaedah ini sebenarnya berasal dari satu kaedah lain iaitu :

⁶¹ Al-Qaraḍāwī, *Fatāwā Mu'āṣirah*, 678.

⁶² "Ḥukmu Tanāwul al-Adwiyah allatī Yudkhalu fī Tarkībīhā Māddah al-Jilātīn," diakses 17 Disember 2023, <https://www.dar-alifta.org/ar/Fatawa/17472حكم تناول الأدوية التي يدخل في تركيبها مادة الجيلاتين>

⁶³ Al-Būṭī, *al-Ta'arruf*, 79.

الدَّفْعُ أَقْوَى مِنَ الرَّفْعِ

Terjemahan : Mencegah daripada berlaku itu lebih baik daripada menghilangkan semasa berlaku.⁶⁴

Kaedah ini menurut al-Buṭī jelas menunjukkan bahawa walaupun sifat adil adalah syarat untuk seseorang dilantik sebagai pemerintah, tetapi ia tidak menjadi sebab untuk menggugurkan seseorang daripada jawatan pemerintah. Ini kerana disyaratkan sifat adil pada permulaan perantaraan adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya kekacauan dan ketidakstabilan dalam pemerintahan. Adapun pemerintah yang menjadi fāsiq setelah sudah dilantik dilarang daripada dijatuhkan adalah bertujuan untuk mengelakkan kekacauan dan ketidakstabilan disebabkan oleh revolusi bagi menjatuhkan kerajaan.⁶⁵ Pendapat al-Buṭī ini bertepatan dengan kaedah fiqhiyyah yang dinyatakan oleh al-Suyūṭī :

الضَّرُّ لَا يُزَالُ بِالضَّرِّ

Terjemahan : Kemudaratan tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan yang lain.⁶⁶

Para ‘ulamā’ semasa lain juga banyak mengaplikasikan *qawā’id fiqhiyyah* dalam menanggapi isu yang sama. Antaranya ‘Abd al-Qādir al-Ḥussain menyatakan bahawa walaupun diharuskan menjatuhkan pemerintah yang melakukan *kufr bawāh*, tetap perlu dilihat kepada aspek *maṣlahah* yang akan terhasil daripada tindakan tersebut. Jika tindakan menjatuhkan pemerintah akan menyebabkan *maḍarrah* yang lebih besar daripada *maṣlahah*, maka tetap dilarang tindakan tersebut berdasarkan kaedah :

إِخْتِيَارُ أَحْفَ الْأَضْرَارِ

Terjemahan : Memilih mudarat yang lebih ringan.

Juga tidak boleh dijatuhkan pemerintah tersebut jika pihak yang melakukan tindakan tersebut tidak ada kekuatan dan kemampuan untuk menstabilkan negara kerana ia hanya akan menimbulkan kemudaratan yang lebih besar⁶⁷ seperti yang berlaku di beberapa negara seperti Syria, Iraq, Libya, dan Yaman.⁶⁸ Kenyataan ini berdasarkan kaedah fiqhiyyah :

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

⁶⁴ Al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*, 138; al-Zuhaylī, *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*, 2:716; dan al-Makkī, *al-Durar al-Bahiyyah*, 154.

⁶⁵ Al-Buṭī, *al-Ta’arruf*, 79.

⁶⁶ Al-Suyūṭī, ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr, *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir fī Qawā’id wa Furū’ Fiqh al-Shāfi’iyyah* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2005), 106.

⁶⁷ “Ḥukmu al-Shar’ī fī al-Khurūj ‘alā al-Ḥākim al-Zālim Muddā’ī al-Islām” diakses 6 Januari 2024, <https://youtu.be/BDsawGnyRK0?si=XIBI5ksPpoW4w2Gu>.

⁶⁸ “Hal Yajūz al-Khurūj ‘Alā al-Ḥākim al-Zālim, wa Hal Lahu Ḍawābiṭ, wa Hal al-Maqṣūd bi al-Khurūj Huwa al-Khurūj al-Musallah”, diakses 6 Januari 2024, <https://youtu.be/x6p6ma2juj4?si=zg18dB7fCDD8DswA>.

Terjemahan : Menolak kerosakan diutamakan berbanding memperolehi kebaikan.

‘Alī Jumū‘ah pula menyatakan wajib hukumnya untuk tetap dengan pemerintah walaupun pemerintah tersebut bertindak *ẓālim* demi untuk menjaga maṣlaḥah ummat yang lebih utama daripada menjaga maṣlaḥah individu tertentu. Beliau menyebutkan kaedah :

لَحَبِّ مَصْلَحَتِكَ لِمَصْلَحَةِ الْأُمَّةِ وَمَصْلَحَةِ الْجَمَاعَةِ

Terjemahan : Abaikan kepentingan dirimu demi kepentingan umat dan kepentingan masyarakat.

Kenyataan beliau juga bertepatan dengan kaedah *fiqhiyyah* yang menyebutkan :

الْمَصْلَحَةُ الْعَامَّةُ مُقَدَّمَةٌ عَلَى الْمَصْلَحَةِ الْخَاصَّةِ

Terjemahan : Kepentingan umum diutamakan berbanding kepentingan individu.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa aplikasi *qawā'id fiqhiyyah* oleh al-Būṭī memberikan sumbangan besar dalam mengukuhkan penghujahan fatwa terhadap isu-isu kontemporari yang kompleks. Melalui pendekatan beliau, al-Būṭī berjaya menggabungkan prinsip *qawā'id fiqhiyyah* yang bersifat umum dengan situasi semasa yang sering berubah serta mampu memberikan panduan hukum yang relevan dan kukuh. Kaedah-kaedah seperti “Asal setiap sesuatu adalah harus sehingga ada dalil yang menunjukkan kepada pengharaman”, “Darurat itu ditetapkan kadarnya mengikut keperluannya”, dan “Asal segala sesuatu adalah suci” menjadi asas penting dalam menguatkan hukum yang bersifat semasa.

Dalam isu perubatan, al-Būṭī menunjukkan bahawa pendermaan organ adalah dibenarkan kerana ia adalah perkara baru yang tidak dinaskan keharusan atau pengharamannya. Maka berdasarkan kaedah yang diaplikasikan oleh *jumhūr 'ulamā'* iaitu “Asal setiap sesuatu adalah harus sehingga ada dalil yang menunjukkan kepada pengharaman”, ia adalah diharuskan. Walaubagaimanapun keharusan itu diberikan sekadar bagi menghilangkan darurat sahaja berdasarkan kaedah “Darurat itu ditetapkan kadarnya mengikut keperluannya.” Begitu juga dalam isu penggunaan ubat-ubatan dan kosmetik yang mengandungi unsur yang diharamkan, al-Būṭī mengaplikasikan kaedah yang hampir sama iaitu “Asal segala sesuatu adalah suci.” Dalam konteks politik, pandangan al-Būṭī mengenai larangan melakukan revolusi terhadap pemerintah Muslim yang *fāsiq*, al-Būṭī menguatkan hujahnya dengan menyatakan kaedah “Sesungguhnya sifat *fāsiq* menghalang seorang *fāsiq* dilantik sebagai pemerintah. Akan tetapi, sifat *fāsiq* yang mendatang (selepas perlantikan) tidak boleh (menjadi sebab) dijatuhkan pemerintah” kerana bimbang ia boleh membawa kepada kekacauan yang lebih besar dan menggugat kestabilan masyarakat Muslim bagi mengekalkan kestabilan dan kesejahteraan masyarakat sebagai matlamat utama.

Dari analisis ini, jelas bahawa al-Būṭī menekankan pendekatan yang pragmatik dan kontekstual, tanpa mengabaikan nilai-nilai asas syariah. Pendekatan beliau mencerminkan ketelitian dalam memahami perubahan zaman dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam hari ini. Fatwa-fatwanya berlandaskan *qawā'id fihiyyah* bukan hanya memberikan penyelesaian yang tepat, tetapi juga menekankan prinsip keadilan dan kemaslahatan dalam Islam. Oleh itu, sumbangan al-Būṭī dalam mengaplikasikan *qawā'id fihiyyah* membuktikan bahawa hukum Islam sentiasa relevan dan fleksibel dalam menyelesaikan isu-isu kontemporari, selagi ia disandarkan kepada kaedah yang tepat dengan pertimbangan yang matang. Kajian ini turut menunjukkan bahawa dengan mengaplikasikan *qawā'id fihiyyah*, para mufti dan pengamal syariah mampu memberikan penyelesaian yang bijaksana dan adil untuk umat Islam pada masa kini.

Rujukan

- Abdul Hadi Awang, 2015, 26 Mac. Surat terbuka kepada umat Islam : Isu hudud yang dikelirukan. BH Online. Bahan dicapai pada 8 Januari 2024, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/03/43487/hadi-awang-surat-terbuka-kepada-umat-Islam-isu-hudud-yang-dikelirukan>.
- Abu Yusuf, Ya'qub bin Ibrahim. (1999), *Al-Kharraj*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (2000), *Ensiklopedi Fatwa Alternatif*, terj. Achmad Sunarto. Semarang: Pustaka Nuun.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (1993), *Fiqh al-Sirah*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (1995), *Haza Walidi*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (2023), "Hukmu al-Adwiyah al-Musonna'ah Min Mawad Muharramah" dicapai pada 11 November 2023, <https://www.naseemalsham.com/fatwas/view/9077>.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (2019) "Istifta'at al-Nas" dicapai pada 29 September 2019. <https://www.naseemalsham.com/subjects/view/54779>.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (1993) *Al-Jihad fi al-Islam: Kaifa Nafhamuhu wa Kaifa Numarisuhu*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (1996), *Keyakinan Hakiki*, terj. Muhammad Sulaiman Yassin. 2018; cet. Ke-2, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (1990), *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyat*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (1999), *Qadaya Fiqhiyyah Mu'asirah al-Qism al-Thani*. Dimasyq: Maktabah al-Farabi, 1999.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (2008), *Qadaya Fiqhiyyah Mu'asirah al-Qism al-Thalith*. Dimasyq: Dar al-Farabi lil Ma'arif.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (2010), *Yughaliṭunaka Idha Ma Yaqulun*. Dimasyq: al-Siddiq lil Ulum, 2010.

- Al-Buti, Muhammad Sa'id bin Ramadan. (2021). "Hadith al-Dhikrayat Ma'a Fadilah al-Syeikh Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti" dalam rancangan "'Ulama' Mubdi'un." Laman sesawang Youtube, dicapai pada 1 Ogos 2021. <https://www.youtube.com/watch?v=A5nmSEOOzRww>.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan dan Muhammad Taufiq Ramadan. (2017), *Usul al-Fiqh: Mabath al-Kitab wa al-Sunnah*. Dimasyq: Jamiah Dimasyq.
- Al-Fadani, Muhammad Yasin bin 'Isa. (1996), *Al-Fawa'id al-Janiyyah Hashiyah al-Mawahib al-Saniyyah*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.
- 'Ali Jumu'ah. (2008), *Sina'ah al-Ifta'*. Kaherah: Nahdah Misr, 2008.
- 'Ali Jumu'ah. (2023), "Hal a-Tabarruq bi al-A'da' Halal? Dr 'Ali Jumu'ah." Laman sesawang Youtube, dicapai pada 25 November 2023. <https://www.youtube.com/watch?v=IasK9K9sIHQ>.
- 'Ali Jumu'ah. (2024) "Hukmu Thubut al-Mahramiyyah bi Inzal Laban al-Rada'ah bi al-Adwiyah au bi al-Ajhizah al-Sina'iyah" dicapai pada 9 September 2024. <https://www.draligomaa.com/index.php/الفتاوى/item/2011-حكم-ثبوت-المحرمة-بإنزال-لبن-الرداء-بالأدوية-أو-بالأجهزة-الصناعية>
- 'Ali Jumu'ah. (2024) "La Yajuz al-Khuru'j 'Ala al-Hakim Wa In Kana Zaliman" dicapai pada 6 Januari 2024. https://youtu.be/uPYa_pkUZt8?si=rvvl6VJKUMfUxog6
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Garis Panduan Bersama Kawalan Ubat-ubat dalam Islam" dicapai pada 16 Disember 2023. <https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/462-garis-panduan-bersama-kawalan-ubat-ubat-dalam-islam>.
- _____, "Derma Organ Menurut Perspektif Islam" dicapai pada 29 November 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/12146>.
- _____, "Pemindahan Organ" dicapai pada 29 November 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11445>.
- _____, "Transplan Organ Dan Tisu" dicapai pada 29 November 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/12426>.
- _____, "Hukum Transplan Organ Dan Mati Otak" dicapai pada 29 November 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10621>.
- Al-Makki, Muhammad Nuruddin Marbu Banjar. (1994) *Al-Durar al-Bahiyyah fi Idah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Shah Alam: SNTV Media.
- Al-Mahalli, Muhammad bin Ahmad. (2021). *Sharh al-Jalal al-Mahalli 'ala Waraqat Imam al-Haramain al-Juwaini*. Gombak: Pembangunan Ruwaq Jawi.
- Muhammad 'Uthman Shabir. (2007), *Al-Qawa'id al-Kulliyyah wa al-Dhawabit al-Fiqhiyyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. 'Aman: Dar al-Nafais.
- Muhammad Yusri Ibrahim. (2013), *Fiqh al-Nawazil li al-Aqalliyat al-Muslimah*. Kaherah: Dar al-Yusr.
- Al-Munawi, 'Abd al-Ra'uf bin al-Munawi. (1990), *al-Tawqif 'Ala Muhimmat al-Ta'arif*. Kaherah: 'Alam al-Kutub.

- Mustafa al-Khan, Mustafa al-Bugha & Ali Syabaji. (1992), *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Nadwi, 'Ali Ahmad. (2020), *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2003), *Fatawa Mu'asirah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1997), *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1996), *Al-Ijtihad fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2014), *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li Ahkamihi wa Falsafatihi fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2023), "Hukmu al-Tabarru' bi al-A'da', al-Syeikh Yusuf al-Qaradawi, al-Shari'ah wa al-Hayah." Laman sesawang Youtube, dicapai pada 28 November 2023. <https://www.youtube.com/watch?v=F9IDvMQQUJo>.
- Al-Saqqaf, 'Abd al-Rahman bin 'Abdullah. *al-Istidlal Bi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah 'Inda al-Syafi'iyah*. Kuwait: Dar al-Dhiya', 2019.
- Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (2005), *Al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-'Uthmani, Muhammad Taqi. (2013), *Buhuth fi Qadaya Fiqhiyyah Mu'asirah*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-'Uthmani, Muhammad Taqi. (2018), *Usul al-Ifta' wa Adabuhu*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Zarqa', Ahmad bin Muhammad. *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Dimasyq: Dar al-Qalam, 1989.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (2014), *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (2006), *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*. Dimasyq: Dar al-Fikr.